

16/08/1999

Pemilihan teks menyimpang

Salbiah Ani

PEMBONGKARAN mengenai kemungkinan adanya unsur berat sebelah dan pilih kasih dalam pemilihan buku teks sastera Melayu moden untuk pelajar tingkatan satu hingga lima sekolah negara ini, masih mendapat perhatian ramai pihak.

Sastera dan Budaya sehingga kini masih menerima banyak panggilan telefon daripada beberapa pihak yang menyatakan sokongan kerana usaha mendedahkan perkara berkenaan dan tidak kurang maklumat diterima, mengukuhkan lagi dakwaan itu.

Memandangkan teks sastera Melayu moden berkenaan adalah untuk keperluan pelajar sekolah menengah negara ini, ada baiknya pandangan mereka yang mahir dengan keperluan remaja diambil kira.

Berkemungkinan pandangan pejuang sastera remaja, Abdul Ahmad (antara orang awal yang mengambil sastera remaja sebagai bahan kajian akademik), dapat diterima secara terbuka, baik kalangan panel jawatankuasa pemilih mahupun pegawai di Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pendidikan.

Abdul yang meneliti karya dalam senarai berkenaan, merumuskan berlaku percampuran kepentingan peribadi dan sastera kerana sesetengah teks pilihan tidak mencerminkan dasar garis panduan jawatankuasa pemilih.

"Saya katakan berlaku kepentingan peribadi dalam pemilihan berkenaan kerana sesetengah karya yang diangkat sebagai teks tidak 'kuat' selain sesetengah pengarang terlalu baru dalam dunia penulisan sastera remaja," ujarnya.

Turut kelihatan kecenderungan untuk memasukkan teks kesusasteraan yang ada nilai kesusasteraan tinggi dan sukar difahami yang dihasilkan oleh Sasterawan Negara dan pengarang lain.

Mereka yang ghairah dengan kepentingan kesusasteraan itu lupa sasaran teks berkenaan adalah untuk pelajar sekolah menengah dan ia hanya komponen dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

"Teks sastera berkenaan diperkenalkan tidak sekali-kali bermaksud memberi pengajaran kesusasteraan secara khusus tetapi sebaliknya bagi tujuan pengajaran dan pengukuhan Bahasa Melayu," katanya.

Abdul menjelaskan, maksud yang tersirat di sebalik program berkenaan ialah di samping mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, guru juga dapat mendedahkan pelajar dengan teks kesusasteraan.

Dengan cara itu, pelajar negara ini secara tidak langsung dapat didekatkan dengan kesusasteraan dan peranan kesusasteraan sebagai satu unsur pendidikan akhlak dan moral dapat dilaksanakan.

Setidak-tidaknya, sastera juga dapat diharapkan menjadi salah satu sumber pembinaan sahsiah remaja dan kalangan ini perlu diberi perhatian kerana mereka adalah aset negara pada masa depan.

Namun, sekiranya teks sastera yang terlalu berat dipilih untuk tujuan berkenaan, beliau khuatir maksud di sebalik penggunaan teks sastera sebagai sebahagian daripada komponen dalam Bahasa Melayu tidak akan tercapai.

Ini kerana pelajar akan berasa sukar untuk memahaminya dan apabila mereka beranggapan sastera itu menyusahkan, maka pelajar akan bertindak membenci teks dan akibatnya dunia sastera juga yang rugi.

"Saya bimbang mereka akan berasa sastera sesuatu yang amat menyusahkan dan mengambil tindakan ponteng kelas dan ia tidak boleh dikaitkan dengan disiplin pelajar kerana sebenarnya ia berpunca daripada kesilapan memilih

teks," tegasnya yang memperjuangkan sastera remaja untuk dijadikan bahan bacaan di sekolah menengah bersama Prof Datuk Dr Hashim Awang.

Pemilihan Jangan Bunuh Rama-Rama karya Sasterawan Negara, Datuk Noordin Hassan umpamanya, dikatakan, tidak wajar kerana teks berkenaan menjadi bahan kajian peringkat ijazah doktor falsafah oleh Dr Fatimah Ali.

Begitu juga dengan Perlumbaan Kedua karya Marwilis Yusuf, yang sebenarnya mempamerkan persaingan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam.

Silap hari bulan, penggunaan Perlumbaan Kedua menyebabkan berlangsungnya perbincangan politik dalam kelas kerana pelajar hari ini juga bijak menafsir dan berkemungkinan sekali, guru pula terlepas tafsiran.

Senarai nama karya yang diangkat sebagai teks turut mempamerkan panel tidak teliti dan ini dapat dibuktikan melalui tindakan mereka memilih novel Terminal Tiga sebagai bahan bacaan wajib tingkatan empat.

"Mercup Di Wajahmu yang juga karya Dr Othman Puteh dan menang hadiah kedua dalam sayembara novel remaja Marwilis Publisher, lebih sesuai diangkat sebagai teks kerana ada mengetengahkan unsur sejarah dan perpaduan kaum," tegasnya.

Terminal Tiga pula sekalipun mengisahkan pengembaraan seorang anak muda di Sabah yang dalam pencarian diri sehingga akhirnya memeluk Islam, sebenarnya termasuk dalam karya berat kerana plotnya berpecah-pecah.

Rasional pemilihan Terminal Tiga hanya dapat dilihat ia karya yang bagus bagi tujuan dakwah tetapi wajarkah kita memilih novel yang membicarakan kepentingan Sabah saja sedangkan Malaysia mempunyai 14 negeri.

Jika pemilihan Perlumbaan Kedua bertujuan membantu Marwilis Publisher, lebih wajar sekiranya panel jawatankuasa pemilih mengangkat Renda Sutera karya Norhisham Mustaffa yang menang Sayembara Novel Remaja Marwilis Publisher pada 1990.

Begitu juga pemilihan Dugong tulisan Hizairi Othman, dianggap kurang tepat kerana penulis terbabit banyak menghasilkan karya remaja yang jauh lebih baik daripada cerpen berkenaan.

Pemilihan Gema Menggegar Kota karya Timah Baba untuk bahan bacaan tingkatan satu turut dikatakan tidak sesuai kerana cerpen berkenaan keanak-anakan berbanding Kartini Farah Aku Akan Menantimu tulisan penulis itu, dianggap lebih sesuai.

Abdul meskipun mengakui Prof Madya Dr Abdul Rahman Napih (lebih dikenali sebagai Mana Sikana) seorang ahli akademik dan penulis skrip drama berwibawa, tetapi tetap mempersoalkan pemilihan Merdeka! Merdeka! sekalipun menang sayembara novel kanak-kanak dengan tema patriotik.

Penggiat sastera remaja itu juga pasti pelajar tidak akan berasa sense of belonging dalam Merdeka! Merdeka! selain ia bukan dalam peer group mereka dan dengan sendirinya, tidak tertarik membaca teks berkenaan.

Senarai teks turut menunjukkan panel jawatankuasa pemilih lupa sebaris panjang pengarang yang bergelumang sejak sekian lama dalam penulisan karya remaja. Antaranya Shahidan Md Noh, Jalil A Rahman, Rubaidin Siwar, Ghazali Ngah Azia, Wan Yusuf Hasan, Sharifah Hasnah Abdullah, Baharudin Kahar, Arman Sani, Keris Mas, Halilah Khalid, Khairuddin Ayip, Mohd Nasaruddin Dasuki, Abdul Wahab Rauf, Azizi Abdullah dan Shahrizal Abdul Rahman.

Malahan ada di antara pengarang berkenaan yang karya mereka pernah menang hadiah sastera seperti Ghazali Ngah lewat Pelari Muda dan Sharifah Hasnah (Ibu Yang Ku Sayang). Begitu juga Arman Sani dengan Jatuhnya Kubu Di Jerampai dan Wan Yusuf (Amir Hamzah).

Bagaimana pula Capa Rengat yang menyajikan remaja Orang Asli karya Baharudin Kahar yang disiarkan dalam Dewan Siswa meskipun menarik tetapi tidak disenaraikan sebagai bahan bacaan pelajar.

Cerpen Shahrizal yang memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia pada tahun lalu tetapi tidak pula dipilih panel jawatankuasa pemilih untuk

diangkat sebagai teks.

Selain itu, senarai teks turut menunjukkan ada beberapa nama yang amat baru dalam dunia sastera remaja dan belum terbukti bakat mereka, seperti Faizati Mohd Ali, Shazmee Rizal Agus Salim, Siti Hajar Mohd Zaki, sehingga menimbulkan keraguan berhubung kejujuran ahli panel.

Malahan, ada juga karya yang terlalu sukar untuk difahami remaja seperti Virus Zel Untuk Abah tulisan Mawar Shafie tetapi turut disenaraikan sebagai bahan bacaan wajib.

Dima Mazlina pula nama yang tidak pernah didengar dalam sastera remaja tetapi Aku, Kris dan Kristal tulisannya diangkat sebagai teks meskipun sebenarnya hampir keseluruhan cerpennya itu diedit ketika disiarkan dalam Dewan Siswa.

Drama Datuk Johan Jaafar berjudul Arah Ke Mana pula dikatakan lebih sesuai dijadikan teks tingkatan satu berbanding Baju Emas Sang Maharaja yang dipilih sebagai bahan bacaan wajib sekalipun karya berkenaan diakui bermutu.

Begitu juga dengan pemilihan Konserto Terakhir karya Sasterawan Negara Datuk Abdullah Hussain yang dianggap terlalu berat untuk pelajar dan Intan atau Noni karya penulis itu, lebih sesuai untuk bacaan remaja.

Abdul yang mengakui wujudnya kepelbagai tema dalam pemilihan karya sebagai teks sastera oleh jawatankuasa pemilih, tetap mempersoalkan mengapa panel tidak memilih karya berunsur cereka sains.

"Panel jawatankuasa pemilih wajib memasukkan karya berunsur cereka sains kerana sebahagian daripada pelajar yang mempelajari Bahasa Melayu adalah dari aliran berkenaan," ujarnya.

Antara karya cereka sains yang boleh disenaraikan sebagai bahan bacaan wajib pelajar sekolah menengah ialah Berukra karya Mohd Ismail Sarbini dan Pelarian Ke Angkasa (Abdul Ahmad).

Abdul turut mempertikaikan ciri pemilihan karya baik dari genre cerpen, novel, drama mahupun sajak dan menang dalam sayembara dianggap tidak wajar dijadikan garis panduan.

"Saya percaya garis panduan utama ialah karya dalam kerangka peer group atau rakan sebaya remaja kerana tujuan ia diperkenalkan ialah mendekatkan pelajar kepada sastera bagi pengukuhan Bahasa Melayu," tegasnya.

Penggiat sastera remaja itu berpendapat tidak salah bagi ahli panel jawatankuasa pemilih mengangkat karya mereka sebagai teks tetapi ia perlu dilakukan secara bertanggungjawab.

"Senarai teks yang diteliti menunjukkan panel jawatankuasa tidak mengangkat karya terbaik mereka dan ini menimbulkan tanda tanya mengapa perkara sedemikian boleh berlaku?" katanya.

Difahamkan, pengerusi jawatankuasa pemilih sastera Melayu moden genre novel ialah Dr Othman, Prof Madya Dr Abdul Rahman Napiah (drama), dan T Alias Taib (sajak).

Turut menganggotai jawatankuasa itu ialah Prof Madya Rahman Shaari, Mahaya Mohd Yasin, Mawar Shafie dan A Rahim Abdullah serta semua karya ahli panel berkenaan turut disenaraikan sebagai teks.

Sebelum ini, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, dilaporkan pernah memberi jaminan karya yang memenangi sayembara berpeluang besar untuk dijadikan teks tetapi apabila senarai teks sastera diumumkan, karya yang memenangi sayembara tercicir.

"Saya berharap Kementerian Pendidikan tidak menggugurkan sastera daripada menjadi sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Melayu untuk pelajar sekolah menengah negara ini, meskipun berlaku kekecohan mengenai perkara itu," katanya.

(END)